

LAMPIRAN 1**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KHUSUS MELIPUTI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") MEMBENTUK SEBAHAGIAN DARI SURAT TAWARAN BANK****Penggunaan Kemudahan Perbankan**

1. Pengeluaran adalah tersedia setelah memenuhi semua syarat terdahulu yang dinyatakan dalam Lampiran 1 dan 2 (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan dalam bentuk dan bahan yang boleh diterima oleh Bank. Tarikh pengeluaran adalah pada hari yang berniaga.
2. Pengeluaran adalah tersedia dengan syarat:
 - (a) tiada Peristiwa Kemungkiran berterusan atau akan berpunca daripada pengeluaran Kemudahan Perbankan tersebut;
 - (b) setiap representasi dan jaminan yang dibuat atau akan dibuat oleh anda di bawah mana-mana Dokumen Transaksi adalah benar dalam semua aspek material; dan
 - (c) Tiada keadaan luar biasa atau perubahan undang-undang atau tindakan kerajaan lain atau perubahan buruk dalam keadaan kewangan atau ekonomi negara atau antarabangsa yang telah berlaku yang, pada pendapat Bank mengikut budi bicara mutlaknya, mungkin memberi kesan buruk yang material.

Perubahan Kadar Pertukaran Mata Wang

1. Kemudahan Perbankan yang akan dikeluarkan oleh Bank akan ditukar dari RM kepada <GBP/AUD>. Sebarang kekurangan dalam pembayaran harta tanah yang timbul akibat perubahan kadar pertukaran RM bagi setiap unit <GBP/AUD> akan ditanggung oleh anda. Bank tidak akan bertanggungjawab atau terikat untuk memberikan Kemudahan Perbankan melebihi jumlah pinjaman yang akan ditentukan berdasarkan kadar pertukaran <GBP/AUD> menggunakan kadar Bank pada hari perniagaan pada tarikh penyaluran yang ditentukan sepenuhnya oleh Bank.
2. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan mengenainya, yang berikut akan terpakai:
 - (i) Sekiranya berlaku pengukuhan <GBP/AUD> berbanding Ringgit Malaysia sehingga jumlah Kemudahan Perbankan menjadi kurang daripada <Margin Pendahuluan>% daripada harga belian harta tanah seperti yang dinyatakan dalam kontrak jualan / perjanjian jual beli atau nilai pasaran semasa harta tanah dalam <GBP/AUD> (mengikut mana-mana yang lebih rendah), maka anda hendaklah, sebaik sahaja menerima notis daripada Bank, mendepositkan jumlah kekurangan tersebut kepada Bank atau peguam cara Pembeli sebagai pemegang amanah. Kegagalan berbuat demikian memberi hak mutlak kepada Bank untuk menarik balik Kemudahan Perbankan; atau
 - (ii) Sekiranya berlaku pengukuhan Ringgit Malaysia berbanding <GBP/AUD> sehingga jumlah Kemudahan Perbankan menjadi melebihi <Margin Pendahuluan>% daripada harga belian harta tanah seperti yang dinyatakan dalam kontrak jualan / perjanjian jual beli atau nilai pasaran semasa harta tanah dalam <GBP/AUD> (mengikut mana-mana yang lebih rendah), Bank berhak mengurangkan jumlah Kemudahan Perbankan kepada jumlah yang bersamaan dengan <Margin Pendahuluan>% daripada harga belian harta tanah seperti yang dinyatakan dalam perjanjian jual beli atau nilai pasaran semasa harta tanah dalam <GBP/AUD> (mengikut mana-mana yang lebih rendah) berdasarkan kadar pertukaran mata wang yang dinilai sebelum pengeluaran.
3. Pengeluaran hanya tersedia pada hari perniagaan dan tertakluk kepada notis sekurang-kurangnya 14 hari yang diberikan kepada Bank.

Syarat-yarat Terdahulu sebelum Pengeluaran

1. Salinan perjanjian jual beli atas nama anda/pemilik manfaat untuk harga belian tidak kurang daripada <GBP/AUD> bagi harta tanah yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. (tidak terpakai untuk pembentahan semula)
2. Penyerahan Laporan Penilaian Rasmi yang boleh diterima oleh Bank oleh penilai panel Bank yang dialamatkan kepada Bank dan mengesahkan Anggaran Nilai Pasaran ("EMV") sekurang-kurangnya <GBP/AUD> bagi harta tanah tersebut, jika gagal, Kemudahan Perbankan atau mana-mana Kemudahan Perbankan akan disemak semula atau dibatalkan mengikut budi bicara mutlak Bank.
3. Sekiranya hasil penilaian menunjukkan bahawa Nilai Pasaran Terbuka harta tanah adalah lebih rendah daripada harga belian, Kemudahan Perbankan yang diberikan di sini akan dikurangkan sewajarnya agar sepadan dengan margin pendahuluan yang diluluskan berdasarkan Nilai Pasaran Terbuka harta tanah menurut laporan penilaian tersebut, di mana anda hendaklah,

sebaik sahaja menerima notis daripada Bank, menambah jumlah kekurangan tersebut dengan mendepositkan jumlah yang bersamaan dengan kekurangan tersebut kepada Bank atau memberi kebenaran awal kepada Bank untuk mendebit akaun simpanan/semasa anda atau mana-mana akaun lain yang ditetapkan dan diselenggara dengan Bank (mengikut mana yang berkenaan) bagi jumlah yang perlu dibayar. Kegagalan berbuat demikian akan memberi hak kepada Bank untuk menyemak semula atau menarik balik Kemudahan Perbankan tersebut.

4. Semua dokumen sekuriti telah ditandatangani dan disetemkan (jika berkenaan) termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa dokumen lain sebagaimana yang mungkin dinasihatkan oleh peguam cara Bank dan/atau yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda.
5. Pengesahan daripada peguam cara Pembeli kepada peguam cara Bank mengenai penerimaan jumlah perbezaan antara harga belian dan jumlah Kemudahan Perbankan daripada anda/Pembeli. Sekiranya berlaku perubahan kadar pertukaran yang menyebabkan pengukuhan RM, anda hendaklah mendepositkan jumlah perbezaan tersebut kepada Bank atau peguam cara Pembeli, di mana jika ia didepositkan kepada Bank, Bank diberi kuasa untuk mendebit akaun yang ditetapkan oleh anda bagi jumlah perbezaan tersebut sebelum pengeluaran untuk memenuhi tarikh penyelesaian.
6. Pembayaran semua fi, kos dan caj (termasuk fi kemudahan, duti setem, fi guaman dan fi profesional lain) seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran dan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kemudahan Perbankan.
7. Tiada Peristiwa Kemungkiran yang telah berlaku atau sedang berlaku yang akan menyebabkan Kemudahan Perbankan perlu dibayar serta-merta.

Pengeluaran awal Kemudahan Perbankan

1. Sekiranya anda berhasrat untuk mengeluarkan Kemudahan Perbankan sebelum tarikh penyiapan, yang berikut akan terpakai:
 - (i) Pengesahan bahawa jumlah perbezaan antara kontrak jualan/perjanjian jual beli telah didepositkan sama ada dengan Bank dalam Akaun Mata Wang Asing (FCA) yang ditetapkan atau dengan peguam cara Pembeli;
 - (ii) Anda tidak akan mempunyai akses kepada FCA dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit FCA anda apabila dana yang disimpan dalam FCA perlu dikeluarkan kepada peguam cara Pembeli/Peguam cara Bank untuk membuat penyelesaian;
 - (iii) Bank akan mengambil Cagaran Undang-Undang ke atas dana dalam FCA;
 - (iv) Semua dokumen sekuriti telah ditandatangani dan disetemkan (jika berkenaan) termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa dokumen lain sebagaimana yang dinasihatkan oleh peguam cara Bank.
2. Setelah pelaksanaan pelepasan awal Kemudahan Perbankan ini, bayaran ansuran bulanan bagi pinjaman akan bermula dan sekiranya berlaku mana-mana kejadian kemungkiran seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini dan/atau Perjanjian Kemudahan (FA), ia akan dianggap sebagai kegagalan dalam akaun sebenar dan proses pemulihan biasa akan dilaksanakan.
3. Bank diberi kuasa untuk mengeluarkan dana dalam <GBP/AUD> yang disimpan dalam FCA tertakluk kepada terma-terma di sini setelah hartanah disiapkan dan setelah menerima nasihat pegeluaran daripada Peguam cara Bank bahawa semua syarat tertunggak yang dikenakan ke atas anda telah dipenuhi mengikut kepuasan Bank.
4. Sekiranya disebabkan oleh turun naik kadar pertukaran, jumlah pinjaman yang telah didepositkan ke dalam FCA tidak mencukupi untuk pengeluaran semasa penyelesaian, berdasarkan nasihat daripada peguam cara Bank, Bank hanya akan bertanggungjawab untuk megeluarkan jumlah tersebut DENGAN SYARAT anda telah mendepositkan jumlah kekurangan tersebut kepada Bank atau peguam cara Pembeli supaya peratusan pembiayaan pinjaman dapat disesuaikan dengan nilai pasaran terbuka hartanah atau kontrak jualan / perjanjian jual beli, mengikut mana-mana yang lebih rendah.
5. Sekiranya projek hartanah tersebut terbengkalai oleh pemaju dan/atau hartanah tersebut tidak disiapkan sepenuhnya atas apa-apa sebab jua dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak jualan / perjanjian jual beli antara anda dan pemaju/penjual sehingga mengakibatkan wang masih kekal dalam FCA melebihi tempoh masa yang dinyatakan dalam kontrak jualan / perjanjian jual beli, kami berhak, dengan notis serta-merta dan pada masa yang sama dan ketika kejadian tersebut berlaku, untuk mendebit FCA dengan serta-merta bagi jumlah wang tersebut berdasarkan kadar pertukaran <GBP/AUD> semasa pada waktu akaun didebitkan sebagaimana perlu tanpa sebarang kewajipan untuk memberi notis awal kepada anda bagi tujuan penyelesaian / bayaran penuh Kemudahan Perbankan. Dalam keadaan sedemikian, Kemudahan Perbankan akan

diangap telah diselesaikan sepenuhnya dan akaun pinjaman akan ditutup dan sebarang kekurangan akibat turun naik mata wang bagi tujuan penyelesaian penuh / bayaran balik Kemudahan Perbankan hendaklah dibayar oleh anda.

Pengeluaran Terus kepada Anda

1. Sekiranya harga belian harta tanah telah dibayar sepenuhnya sebelum pengeluaran Kemudahan Perbankan atau mana-mana bahagian daripada Kemudahan Perbankan oleh Bank, pengeluaran boleh dibuat secara terus kepada anda atas nasihat peguam cara Bank dengan syarat:
 - (i) Bukti dokumen bahawa harga belian telah dijelaskan sepenuhnya oleh peguam cara Pembeli dan/atau sebarang bukti dokumen lain seperti yang dinasihatkan oleh peguam cara Bank;

Aku Janji dan Tanggungan

1. Anda hendaklah dengan segera menyediakan atau menyebabkan penyediaan kepada Bank semua maklumat atau dokumen yang mungkin diminta oleh Bank dari semasa ke semasa berhubung dengan Kemudahan Perbankan dan/atau harta tanah, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemberitahuan segera kepada Bank berkenaan dengan status penyiapan harta tanah (bagi harta tanah yang dalam pembinaan), yang mana pemberitahuan tersebut hendaklah dibuat kepada Bank dengan segera atau secepat mungkin setelah anda menyedarinya.
2. Bank berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk meminta anda menyediakan cagaran dan/atau memberikan cagaran tambahan yang diterima oleh Bank dan/atau untuk menggantikan mana-mana cagaran sedia ada mengikut budi bicara mutlak Bank. Semua kos yang ditanggung untuk melaksanakan perkara tersebut hendaklah dibayar oleh anda.
3. Anda hendaklah segera memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang kejadian material atau perubahan buruk dalam keadaan (kewangan atau selainnya) anda.

Insurans

1. Tanpa mengehadkan mana-mana akujanji atau tanggungan berhubung dengan insurans harta tanah di bawah Gadaian harta tanah, anda hendaklah pada setiap masa menginsuranskan harta tanah tersebut terhadap kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, ribut, taufan, banjir, gempa bumi, petir, letusan, impak, pesawat dan peranti udara serta objek yang dijatuhkan daripadanya, rusuhan, kekacauan awam dan kerosakan berniat jahat, letusan atau limpahan tangki air, alat atau paip, kerosakan akibat atau yang berpunca daripada impak kenderaan, penggelaman tanah, semua risiko kerugian atau kerosakan lain yang lazimnya boleh diinsuranskan dan apa-apa risiko lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Bank.
2. Bagi Hartanah Bertanah

Anda hendaklah pada setiap masa menginsuranskan harta tanah tersebut terhadap risiko kebakaran dan memperbaharui insurans tersebut setiap tahun pada atau sebelum tarikh pembaharuan. Anda hendaklah menyerahkan kepada Bank atau mengarahkan syarikat insurans untuk menyerahkan kepada Bank polisi insurans yang telah diperbaharui dan/atau jadual perlindungan yang membuktikan pengendorsan Bank sebagai pemegang cagaran, pemegang gadaian atau penerima pampasan kerugian pada setiap tahun. Bank berhak untuk mendebit akaun anda bagi semua jumlah yang terlibat berhubung dengan perkara tersebut.

3. Untuk Pangsapuri/ Flat

Anda hendaklah mendapatkan salinan sijil insurans kebakaran / perlindungan daripada Badan Korporat / Persatuan Pemilik / Syarikat Pengurusan dan sebagainya dan mengemukakan salinan tersebut kepada Bank.

Bank hendaklah diiktiraf sebagai pemegang cagaran, pemegang gadaian atau penerima pampasan kerugian dalam klausa gadaian insurans tersebut, terhadap risiko kebakaran dan risiko lain yang dianggap sesuai oleh Bank, sehingga nilai boleh insurans penuh, dengan syarikat insurans yang diluluskan, selagi harta tanah tersebut digadaikan kepada Bank. Sekiranya anda gagal untuk menyerahkan dokumen sokongan yang diperlukan kepada Bank bersama bukti pembayaran (iaitu bahagian pembayaran insurans anda) setiap tahun, Bank berhak untuk mendebit akaun anda bagi semua jumlah yang terlibat berhubung dengan perkara tersebut.

1, 2 dan 3 di atas hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama dengan Klausa 14 dalam Lampiran 2.

Notis Dasar Pertukaran Asing Bank Negara Malaysia (BNM)

1. Anda telah dimaklumkan bahawa mana-mana pemastautin yang mempunyai pinjaman domestik hanya dibenarkan menukar sehingga bersamaan RM1.0 juta mata wang asing secara agregat bagi setiap tahun kalendar untuk pelaburan dalam aset mata wang asing di luar negara. Kelulusan BNM diperlukan jika jumlah penukaran melebihi RM1.0 juta secara agregat setiap tahun kalendar.
2. Sekiranya anda mempunyai keperluan untuk menukar jumlah melebihi RM1.0 juta setahun bagi tujuan pembelian harta tanah yang dirujuk di sini, anda dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada BNM yang boleh dipohon secara dalam talian melalui <https://www.bnm.gov.my/fep> dengan menggunakan borang IA-RE (dahulunya dikenali sebagai Borang 9C) bagi kelulusan untuk menukar melebihi RM1.0 juta bagi pembelian harta tanah tersebut.

Kos, Fi, Caj dan Bayaran

1. Anda hendaklah membayar dan menanggung dari semasa ke semasa (termasuk apabila dituntut) segala kos, fi, perbelanjaan, caj, bayaran, cukai dan wang lain yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada mana-mana dokumen sekuriti dan/atau harta tanah dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) kos peguam cara Bank;
 - (ii) caj penilai, pentaksir, ejen harta tanah, penerima dan pelelong yang dilantik oleh Bank;
 - (iii) Cukai majlis, kadar, sewa tanah, cukai, caj saliran, caj pembetungan, caj perkhidmatan,
 - (iv) fi penyelenggaraan, premium insurans, bayaran tabung penyelenggaraan (sinking fund) dan apa-apa bayaran pengeluaran lain, caj dan bayaran lain yang perlu dibayar berkenaan dengan harta tanah dan/atau mana-mana harta tanah lain yang menjadi subjek dokumen sekuriti yang berkaitan, termasuk semua bayaran yang ditanggung atau dibelanjakan oleh Bank (termasuk kos guaman dan perbelanjaan sampingan) dalam rundingan, penyediaan, pelaksanaan, penyempurnaan, pemeterian, pendaftaran dan/atau pengesahan dan/atau pelepasan mana-mana dokumen sekuriti dan/atau apa-apa sekuriti dan/atau dalam kutipan wang yang perlu dibayar atau akan dibayar di bawah mana-mana dokumen sekuriti dan/atau dalam penguatkuasaan dan/atau pemeliharaan mana-mana sekuriti dan/atau mana-mana hak di bawah mana-mana dokumen sekuriti dan/atau yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada sebarang perubahan atau semakan terhadap Kemudahan Perbankan oleh Bank dan/atau selainnya yang berkaitan dengan Kemudahan Perbankan dan/atau mana-mana dokumen sekuriti, atau bagi pihak anda atau atas akaun anda tanpa mengira sama ada Kemudahan Perbankan digunakan, ditangguhkan atau dibatalkan.
 - (v) semua wang yang dipersetujui untuk dibayar oleh anda di bawah mana-mana peruntuhan dokumen sekuriti yang tidak dibayar dan dibayar oleh Bank (tanpa sebarang kewajipan untuk berbuat demikian) apabila anda gagal untuk berbuat demikian;
 - (vi) semua kos, fi, caj, perbelanjaan, cukai dan wang yang dirujuk dalam mana-mana peruntuhan dokumen sekuriti atau apa-apa cara lain yang perlu dibayar oleh anda kepada Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada fi pemprosesan, fi pembatalan kemudahan dan Fi Pegeluaran Semula (jika ada).
2. Sekiranya mana-mana kos, fi, caj dan bayaran atau mana-mana bahagian daripadanya tidak diselesaikan atau dibayar sepenuhnya oleh anda, Bank berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membayar jumlah tersebut bagi pihak anda pada bila-bila masa dan wang yang dibayar oleh Bank akan didebitkan ke dalam akaun Kemudahan Perbankan anda. Sekiranya Bank tidak dapat mendebit daripada akaun Kemudahan Perbankan anda atau sekiranya terdapat kekurangan selepas mendebit akaun Kemudahan Perbankan anda, Bank berhak untuk mendebit mana-mana akaun lain anda dengan Bank dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu. Sementara menunggu Bank melaksanakan debit tersebut, Bank berhak untuk menahan dan/atau menggantung pembayaran mana-mana wang daripada baki kredit akaun lain anda.

Penilaian Tahunan

1. Pada penilaian tahunan, Bank akan menilai nilai pasaran dengan kadar pertukaran <GBP/AUD> berbanding Ringgit Malaysia untuk memastikan bahawa margin pinjaman terhadap nilai adalah dalam margin pinjaman yang dibenarkan, jika tidak, Bank berhak untuk mengarahkan anda, dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis daripada Bank, untuk membayar baki pinjaman supaya berada dalam margin pembiayaan yang dibenarkan atau anda boleh meletakkan Deposit Tetap dengan Bank untuk memenuhi kekurangan antara baki pinjaman dan margin pinjaman yang dibenarkan, jika gagal, Bank berhak untuk menarik balik Kemudahan Perbankan tersebut.

LAMPIRAN 2

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT STANDARD YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD (“BANK”) YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

1. KADAR(-KADAR) FAEDAH / CAJ-CAJ PERBANKAN / CAJ-CAJ LAIN

(A) FAEDAH

Anda hendaklah membayar faedah ke atas semua wang yang genap masa untuk dibayar dan kena dibayar oleh anda dan/atau semua wang yang belum dijelaskan kepada Bank yang berkaitan dengan Kemudahan Perbankan pada kadar sedemikian atau kadar-kadar sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank pada bila-bila masa. Tanpa menjelaskan peruntukan yang disebutkan sebelum ini, faedah yang perlu anda bayar yang berkenaan dengan Kemudahan Perbankan tersebut adalah sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah lajur Kadar Faedah dalam Halaman 1 Surat Tawaran ini. Faedah pada kadar yang dinyatakan sebelum ini hendaklah dibayar oleh anda sebelum dan selepas mana-mana penghakiman atau perintah mahkamah.

(B) PERUBAHAN FAEDAH

Bank juga berhak menurut budi bicaranya pada bila-bila masa untuk mengubah KAS Bank dan/atau Margin Faedah yang dikenakan melebihi KAS Bank menurut cara yang berikut:

- (a) Berkenaan dengan KAS Bank, dengan memaparkan notis umum di premis-premis Bank mengenai perubahan KAS Bank yang ditujukan kepada orang awam secara amnya dan paparan sedemikian hendaklah dianggap sebagai notis yang berkesan bagi anda, atau melalui apa-apa cara lain yang dianggap sesuai dan betul oleh Bank; dan
- (b) Berkenaan dengan perubahan dalam Margin Faedah yang dikenakan melebihi KAS Bank, dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalender terlebih dahulu kepada anda sebelum tarikh kuasa perubahan kadar(-kadar) tersebut dan notis sedemikian hendaklah dianggap telah diserahkan secara memuaskan kepada anda sekiranya dihantar melalui serahan tangan atau melalui pos biasa ke tempat kediaman/perniagaan terakhir anda yang diketahui atau ke alamat anda sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini.

Bank berhak pada bila-bila masa menurut budi bicaranya, dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda untuk mengubah dasar asas pengiraan bagi kadar yang ditetapkan (sama ada bagi KAS atau apa-apa asas lain yang disebut dengan apa-apa nama sekalipun). Dalam apa jua keadaan bahawa tarikh kuasa perubahan KAS Bank dan/atau Margin Faedah yang dikenakan melebihi KAS Bank hendaklah menjadi tarikh yang ditetapkan dalam notis atau dalam paparan di premis-premis Bank.

2. FAEDAH ATAS AMAUN LEBIHAN/KADAR KEMUNGKIRAN

Tanpa menjelaskan apa-apa hak dan remedii Bank yang terkandung dalam Surat Tawaran ini:

- (a) sekiranya anda gagal untuk membayar pada tarikh genap masa apa-apa wang yang perlu dibayar berkenaan dengan Kemudahan Perbankan, anda hendaklah membayar kepada Bank ganti rugi jumlah tertentu dengan cara penambahan faedah pada kadar satu peratus (1%) setahun ke atas amaun yang masih belum dijelaskan yang dikira dari tarikh genap masa untuk membuat pembayaran tersebut sehingga tarikh pembayaran amaunnya dibuat oleh anda; dan
- (b) Bank tidak akan membenarkan apa-apa pengeluaran wang berlebihan/sementara melebihi had yang diluluskan menurut Surat Tawaran ini. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku lebihan dalam akaun anda (disebabkan, sebagai contoh, tokokan faedah, atau tamat tempoh Overdraft), Bank berhak mengenakan, menurut budi bicara Bank dan dengan memberi notis bertulis kepada anda, faedah tambahan pada kadar satu peratus (1%) setahun ke atas kadar yang ditentukan oleh Bank bagi amaun yang melebihi had sehingga tarikh di mana tiada lagi pengeluaran berlebihan/sementara melebihi had tersebut.

Walaupun demikian, Bank berhak menurut budi bicaranya pada bila-bila masa mengubah kadar(-kadar) faedah tambahan dan Bank akan memberi notis bertulis dua puluh satu hari (21) kalender terlebih dahulu kepada anda sebelum tarikh kuasa perubahan tersebut.

3. PEMBAYARAN BALIK

(A) PINJAMAN PEMBIAYAAN BERTEMPOH

- (a) Pembayaran ansuran hendaklah bermula seperti yang berikut:
 - (i) Pada hari kelima (ke-5) di bulan ketiga (ke-3) dari bulan pengeluaran dan pada setiap hari kelima (ke-5) di bulan berikutnya sehingga penyelesaian penuh, sekiranya pengeluaran akhir dibuat dalam Tempoh Pengeluaran Pertama (sebagaimana ditakrifkan dalam Surat Tawaran ini) dalam bulan pengeluaran.
 - (ii) Pada hari kelima (ke-5) di bulan kedua (ke-2) dari bulan pengeluaran dan pada setiap hari kelima (ke-5) di bulan berikutnya sehingga penyelesaian penuh, sekiranya pengeluaran akhir dibuat dalam Tempoh Pengeluaran Kedua (sebagaimana ditakrifkan dalam Surat Tawaran ini) dalam bulan pengeluaran.
- (b) Pembayaran faedah semasa pelepasan berperingkat hendaklah bermula seperti yang berikut:

- (i) Pada hari kelima (ke-5) di bulan ketiga (ke-3) dari bulan pengeluaran dan pada setiap hari kelima (ke-5) di bulan berikutnya, sehingga penyelesaian penuh, sekiranya pengeluaran pertama dibuat dalam Tempoh Pengeluaran Pertama (sebagaimana ditakrifkan dalam Surat Tawaran ini) dalam bulan pengeluaran.
- (ii) Pada hari kelima (ke-5) di bulan kedua (ke-2) dari bulan pengeluaran dan pada setiap hari kelima (ke-lima) bulan berikutnya, sehingga penyelesaian penuh, sekiranya pengeluaran pertama dibuat dalam Tempoh Pengeluaran Kedua (sebagaimana ditakrifkan dalam Surat Tawaran ini) dalam bulan pengeluaran.
- (c) Untuk tujuan seksyen/klausa ini:
 - (i) "Tempoh Pengeluaran Pertama" merujuk kepada lima belas (15) hari terakhir dari tarikh genap masa.
 - (ii) "Tempoh Pengeluaran Kedua" merujuk hari-hari lain kitaran bil pengeluaran yang tidak termasuk Tempoh Pengeluaran Pertama.
- (d) Walaupun demikian, sekiranya kadar faedah yang perlu dibayar oleh anda bagi Kemudahan Perbankan telah diubah dalam cara sebagaimana diberikan dalam Surat Tawaran ini, Bank berhak menurut budi bicaranya, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda, mengubah apa-apa yang perlu berikutan perubahan sedemikian sama ada dengan mengubah amaun mana-mana Ansuran atau dengan mengubah bilangan Ansuran.

4. SECURITI

Kemudahan Perbankan hendaklah disediakan kepada anda tertakluk kepada anda memberikan sekuriti-sekuriti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini.

- (a) Sekiranya Kemudahan Perbankan dijamin terhadap harta/tanah dengan dokumen hak milik keluaran individu/strata tidak disediakan dan/atau belum dikeluarkan ke atas harta/tanah ("Harta"), anda mengakuanji (sebaik sahaja hak milik individu/strata yang bersasingan kepada Harta tersebut telah dikeluarkan) untuk menyerahkan dan menandatangani dan/atau menyebabkan pemilik berdaftar Harta tersebut untuk menyerahkan dan menandatangani semua dokumen yang diperlukan untuk mewujudkan gadaian pertama yang sah dan boleh didaftarkan ke atas Harta tersebut yang memihak kepada Bank,
- (b) Sekiranya Kemudahan Perbankan yang dijamin terhadap deposit tetap, faedah yang diperoleh daripada sekuriti deposit tetap, hendaklah ditukar kepada modal dan ditambahkan kepada amaun prinsipal dan membentuk sebahagian daripada sekuriti tersenit. Bank berhak untuk mengeluarkan deposit tetap (sama ada atau tidak telah menjadi matang), untuk menyelesaikan apa-apa jumlah yang genap masa untuk dibayar dan perlu dibayar termasuk faedah sekiranya Kemudahan Perbankan tidak dibayar dengan segera. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk memperbaharui sekuriti deposit tetap secara tahunan semasa tempoh Kemudahan Perbankan.

Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan sebab-sebab di dalam notis bertulis tersebut, untuk meminta apa-apa perjanjian sekuriti relevan yang lain sebagaimana diperlukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

5. SYARAT-SYARAT MENDAHULUI

Kemudahan Perbankan akan disediakan untuk kegunaan anda setelah anda memenuhi syarat-syarat mendahului yang berikut:

- (a) Bank mestilah menerima persetujuan anda terhadap Surat Tawaran ini. Selain itu, semua dokumen sekuriti mestilah ditandatangani oleh anda (dan/atau pihak yang relevan yang memberikan sekuriti bagi Kemudahan Perbankan) dalam masa satu (1) bulan dari tarikh persetujuan anda terhadap Surat Tawaran ini (atau dalam tempoh masa dilanjutkan yang diberikan sebagaimana dipersetujui oleh Bank). Sekiranya anda gagal berbuat demikian, Bank berhak untuk membatakan Kemudahan Perbankan dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda. Sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank akibat pembatalan ini hendaklah dibayar oleh anda. Bank berhak dengan memberikan notis bertulis kepada anda bagi menuntut semula semua kos dan perbelanjaan tersebut daripada anda.
- (b) Bank berpuas hati bahawa tidak ada peristiwa kemungkiran seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini telah berlaku yang menyebabkan Kemudahan Perbankan menjadi terhutang serta-merta.
- (c) Bank berpuas hati bahawa tidak ada kejadian-kejadian luar biasa, tindakan kerajaan atau perubahan atau peristiwa buruk yang material telah berlaku, yang pada pendapat Bank menjelaskan keupayaan anda dan/atau keupayaan mana-mana pihak yang memberikan sekuriti terhadap Kemudahan Perbankan ("Pihak Sekuriti") untuk mematuhi dan melaksanakan tanggungjawab anda/mereka masing-masing menurut Surat Tawaran ini atau menurut dokumen-dokumen sekuriti.
- (d) Peguam-peguam cara Bank hendaklah telah mengesahkan bahawa suatu carian telah dilakukan di Pejabat Pegawai Pemegang Harta/Pejabat Pegawai Penerima yang mendedahkan bahawa prosiding kebankrapan atau petisyen penggulungan belum dimulakan (atau dikemukakan mengikut mana-mana yang berkaitan) terhadap anda dan/atau mana-mana Pihak Sekuriti.
- (e) Semua dokumen sekuriti yang diperlukan menurut Surat Tawaran ini dan/atau dokumen-dokumen lain yang sebagaimana dikehendaki oleh Bank dan/atau peguam-peguamnya hendaklah telah dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkaitan, disetemkan sewajarnya dan didaftarkan pada pendaftar-pendaftar yang sebagaimana dianggap perlu atau sesuai oleh Bank dan salinan asal setiap dokumen yang berkenaan, mestilah didepositkan dengan Bank.

- (f) Anda telah membayar semua fi atau caj yang perlu dibayar atau bersetuju untuk membayar oleh anda kepada Bank untuk atau berkaitan dengan Kemudahan Perbankan.
- (g) Sekiranya Harta digadaikan/diserahhakkan kepada pembiaya(-pembiaya), penerimaan oleh Bank akan menyatakan penyebusan daripada pembiaya(-pembiaya) Harta yang mengesahkan jumlah penyebusan yang diperlukan untuk menebus Harta bersama-sama dengan akuanji yang memihak kepada Bank untuk menyerahkannya:
 - (i) sekiranya hak milik individu terhadap Harta telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang relevan, dokumen hak milik keluaran bagi Harta, gadaian pendua yang didaftarkan dan pelepasan gadaian yang dilaksanakan sewajarnya; atau
- (h) Sekiranya hak milik terhadap Harta tidak mempunyai bebanan, dokumen-dokumen pindah milik ("Pindah Milik") telah dilengkapkan dan dilaksanakan dan kebenaran pemaju dan/atau kerajaan persekutuan, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan, berkanun atau kuasi-kerajaan yang lain atau pengawal selia atau badan yang mempunyai bidang kuasa atau kuasa untuk memberikan kelulusan bagi pemindahan Harta telah diperoleh dan dikemukakan kepada Bank dan diendors pada Pindah Milik (sekiranya berkenaan).
- (i) Kemudahan Perbankan yang diluluskan melalui Surat Tawaran ini boleh dilepaskan apabila selesai dokumentasi undang-undang dan memenuhi syarat-syarat mendahului yang sebagaimana diperlukan oleh Bank dan tertakluk kepada Bank berpuas hati bahawa tidak ada perubahan-perubahan material yang menjelaskan keadaan kewangan anda.

6. PERISTIWA KEMUNGKIRAN

Semua wang yang belum dijelaskan dan perlu dibayar di bawah Kemudahan Perbankan bersama-sama dengan faedah padanya hendaklah dibayar balik dengan serta-merta oleh anda apabila dituntut oleh Bank atau apabila berlakunya mana-mana peristiwa yang berikut:

- (a) Anda mungkir dalam pembayaran pada tarikh genap masa untuk membayar apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan Perbankan;
- (b) Anda gagal mematuhi atau melaksanakan mana-mana perjanjian, waad, stipulasi, terma dan/atau syarat yang berkaitan dengan Kemudahan Perbankan;
- (c) Apa-apa keberhutangan anda atau keberhutangan mana-mana penjamin anda yang diisytiharkan sebagai genap masa untuk dibayar sebelum cukup tempoh disebabkan anda atau penjamin anda gagal membayar hutang tersebut. Atau, sekiranya anda atau mana-mana penjamin anda gagal membuat pembayaran berkaitan dengannya (atau sekiranya atas tuntutan, apabila dituntut). Atau, sekiranya sekuriti bagi apa-apa keberhutangan sedemikian menjadi boleh dikuatkuasakan;
- (d) Suatu distres atau penguatkuasaan atau proses mahkamah lain telah dikenakan atau diisu ke atas Harta anda, dan tindakan tersebut tidak diselesaikan oleh anda dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh tindakan tersebut;
- (e) Anda mengikat apa-apa perjanjian atau komposisi dengan pemutang(-pemutang) anda;
- (f) Sekiranya mana-mana prosiding, guaman atau tindakan undang-undang yang apa-apa jenis sekalipun (sivil atau jenayah) telah dimulakan terhadap anda atau penjamin(-penjamin) anda yang pada pendapat Bank akan banyak mendatangkan kemudaratan terhadap keupayaan anda atau keupayaan penjamin anda untuk melaksanakan dan mematuhi obligasi-obligasi anda/nya menurut Surat Tawaran ini atau dalam jaminan menurut mana-mana yang berkaitan;
- (g) Anda atau mana-mana penjamin anda (sekiranya ada) melakukan apa-apa perbuatan kebankrapan atau menjadi bankrap atau mengikat apa-apa perjanjian atau komposisi dengan atau untuk kepentingan anda atau penjamin(-penjamin) pemutang-pemutang atau membenarkan apa-apa penghakiman terhadap anda atau penjamin(-penjamin) anda kekal tidak diselesaikan untuk tempoh empat belas (14) hari;
- (h) Penjamin anda diisytiharkan sebagai bankrap;
- (i) Anda atau mana-mana penjamin anda (sekiranya ada) menjadi tidak siuman atau mati;
- (j) Apa-apa dokumen sekuriti yang diberikan kepada Bank adalah atau menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan atas apa-apa sebab sekalipun;
- (k) Sekiranya Bank menurut budi bicaranya menganggap bahawa Kemudahan Perbankan atau mana-mana sekuritinya atau kedudukan sekuritinya berada dalam bahaya;
- (l) Sekiranya Bank beranggapan bahawa Kemudahan Perbankan, atau apa-apa sekuriti, atas apa-apa sebab, menjadi tidak sah atau berada dalam bahaya;
- (m) Sekiranya Bank berpendapat bahawa akaun(-akaun) anda dengan Bank tidak diuruskan secara memuaskan; atau
- (n) Peristiwa-peristiwa kemungkiran lain yang dinyatakan di dalam Perjanjian Kemudahan.

7. KEMUNGKIRAN BERSILANG

Sekiranya:

- (a) mana-mana keberhutangan anda yang lain menjadi kena dibayar, atau
- (b) mana-mana keberhutangan anda yang lain boleh diisytiharkan sebagai kena dibayar atau kena dibayar secara pramatang (kerana anda gagal membayar keberhutangan anda yang lain), atau
- (c) anda gagal membayar keberhutangan anda yang lain pada tarikh yang dijadualkan untuk pembayaran tersebut (atau sekiranya atas tuntutan, apabila dituntut); atau
- (d) sekuriti untuk keberhutangan anda yang lain menjadi boleh dikuatkuasakan,

maka ini akan dianggap sebagai peristiwa kemungkiran di bawah Kemudahan Perbankan, dan Bank boleh atas budi bicaranya melaksanakan mana-mana hak dan remedii di bawah Kemudahan Perbankan dan/atau Surat Tawaran ini disebabkan oleh peristiwa kemungkiran tersebut.

8. SYARAT-SYARAT SPESIFIK UNTUK MENGELUARKAN WANG/MENGGUNAKAN WANG

Tertakluk kepada syarat mendahului yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran ini dan syarat lain yang seumpamanya yang boleh ditetapkan oleh Bank, yang telah dipenuhi sewajarnya, anda boleh menggunakan wang/mengeluarkan Kemudahan Perbankan menurut terma yang berikut:-

(A) PINJAMAN PERUMAHAN/KEMUDAHAN PINJAMAN BERTEMPOH

- (a) Kemudahan Perbankan adalah bagi membentuk pembinaan bangunan(-bangunan) kekal. Sekiranya bangunan(-bangunan) berkenaan adalah pembinaan separa kekal atau pembinaan sementara, Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda, untuk membatalkan Kemudahan Perbankan dan kesemua kos sampingan hendaklah dibayar oleh anda. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, mengutip kos-kos tersebut daripada anda.
- (b) Penerimaan oleh Bank akan bukti dokumentari yang memuaskan Bank bahawa jumlah perbezaan antara harga pembelian harta yang dibiayai ("Harta") dan Kemudahan Perbankan telah diselesaikan sepenuhnya oleh anda;
- (c) Tidak berlaku pelanggaran mana-mana terma Perjanjian Jual dan Beli atau apa-apa perjanjian lain berkaitan hak-hak ke atas Harta ("Perjanjian Jual dan Beli");
- (d) Sekiranya Harta sedang dalam pembinaan, bukti penyiapan harta tanah yang dibiayai dan Pengesahan penyiapan yang berkaitan atau sijil daripada pihak berkuasa kerajaan atau kelulusan serupa yang menjadi amalan biasa di UK/Australia diperolehi oleh Bank seperti yang dinasihatkan oleh peguam-peguam cara Bank
- (e) Pembukaan akaun simpanan/semasa oleh anda dengan Bank bagi kredit daripada baki Kemudahan Perbankan, sekiranya ada
- (f) Bagi Harta yang dibeli untuk didiami sendiri/digunakan sendiri, anda hendaklah menandatangani Akuan Berkanun untuk mengesahkan tujuan kediaman/kegunaan sendiri;

9. HAK TIDAK BOLEH BATAL UNTUK MENDEBITKAN AKAUN

Anda digalakkan menyenggara akaun simpanan/semasa dengan Bank, dan Bank tanpa boleh batal dan tanpa syarat dibenarkan oleh anda pada bila-bila masa untuk mendebitkan akaun anda bagi:-

- (a) apa-apa pembayaran prinsipal atau faedah yang genap masanya untuk dibayar di bawah Kemudahan Perbankan; dan
- (b) dengan memberi notis bertulis kepada anda, semua perbelanjaan, duti, fi dan jumlah lain yang genap masa untuk dibayar dan perlu dibayar yang timbul daripada Kemudahan Perbankan termasuk caj-caj perkhidmatan, fi-fi komitmen, dan premium insurans (Insurans Kebakaran, Insurans Empunya Rumah, MRTA dan/atau CLTA).

Dalam apa jua keadaan, tidak ada pendebitan sedemikian yang akan dianggap sebagai pembayaran bagi amaun yang genap masa untuk dibayar (kecuali sejauh mana apa-apa amaun dalam kredit akaun semasa atau akaun lain anda) dan tidak akan disifatkan sebagai penepian bagi apa-apa peristiwa kemungkiran.

10. PERBELANJAAN GUAMAN/UNDANG-UNDANG DAN SAMPINGAN

- a) Anda diperlukan membayar semua yuran guaman dan perbelanjaan sampingan dan juga semua fi profesional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan), perbelanjaan hangus yang ditanggung, dan lain-lain fi dan perbelanjaan berkenaan dengan Kemudahan Perbankan kecuali untuk pemeriksaan dan/atau penilaian tahunan atau berkala Harta tersebut selepas pengeluaran yang dijalankan oleh Bank berkenaan dengan Kemudahan Perbankan (termasuk penyediaan, penyeteman dan pendaftaran apa-apa dokumen sekuriti dan kemasukan dan penarikan balik kaveat-kaveat seperti yang dikehendaki oleh Bank) walaupun dokumen-dokumen tersebut tidak ditandatangani oleh anda. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, fi profesional dalam klausa ini adalah merangkumi fi penilaian Harta sebelum pengeluaran.
- b) Sekiranya apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan Perbankan hendak dituntut semula, anda hendaklah membayar fi peguam-peguam cara Bank (berdasarkan peguam-peguam dan anak guam) dan apa-apa fi dan perbelanjaan lain yang ditanggung berkenaan dengan tuntutan sedemikian.

11. KETERSEDIAAN DANA/SEMAKAN SEMULA

Ketersediaan Kemudahan Perbankan sentiasa tertakluk kepada ketersediaan dana kepada Bank dan budi bicara Bank untuk menyemak semula Kemudahan Perbankan pada bila-bila masa. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda, untuk menamatkan atau menarik balik Kemudahan Perbankan sekiranya Bank berpendapat bahawa terdapat alasan-alasan bagi penamatkan atau penarikan balik tersebut. Bank akan terus memberitahu anda alasan sedemikian yang membolehkan Bank menamatkan atau menarik balik Kemudahan Perbankan.

12. AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN, 2013 ("APK")

Pemberian Kemudahan Perbankan kepada anda hendaklah dengan syarat bahawa Bank tidak akan memungkiri atau melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, termasuk peruntukan-peruntukan APK. Khususnya, anda hendaklah mengisyiharkan kepada Bank bahawa anda tidak berkaitan secara langsung sebagai pasangan, anak atau ibu bapa kepada

mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Kumpulan Perbankan RHB. Sekiranya apa-apa perhubungan sedemikian diwujudkan atau ditemui pada masa ini atau akan datang, Bank berhak (dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda) untuk menamatkan dan menarik balik Kemudahan Perbankan tersebut.

13. PENDEDAHAN MAKLUMAT

Anda bersetuju dan memberi kuasa kepada Kumpulan Perbankan RHB (termasuk syarikat induk, syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat berkaitan), pengarah-pengarah, pegawai-pekerja, pekerja-pekerja dan ejen-ejennya untuk memproses, mendedahkan, menyimpan, berkongsi dan/atau mengesahkan maklumat atau dokumen-dokumen yang berkaitan dengan anda, akaun-akaun, kemudahan-kemudahan, rakan kongsi (sekiranya berkaitan) kepada dan/atau dengan pihak-pihak berikut termasuk:

- (a) mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk sebarang tujuan termasuk, jualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan daripada Kumpulan Perbankan RHB, (kecuali sekiranya anda telah memilih untuk tidak membenarkan Bank untuk membuat sebarang pendedahan di bawah sub-klausula (a) ini);
- (b) mana-mana pihak berkuasa/pengawal selia/pihak yang dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan-peraturan untuk mendapatkan maklumat atau oleh pihak mahkamah;
- (c) mana-mana pihak yang menyediakan sekuriti bagi tujuan kemudahan(-kemudahan) yang diberikan kepada anda;
- (d) ejen-ejen Kumpulan Perbankan RHB, termasuk penjual-penjual, peniaga-peniaga dan/atau pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan apa-apa produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Kumpulan Perbankan RHB;
- (e) juruaudit-juruaudit, peguam-peguam dan/atau penasihat-penasihat profesional lain yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Kumpulan Perbankan RHB dengan perlantikan ini, atau berkaitan dengan apa-apa penyediaan kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti, sekiranya berkenaan, atau mana-mana tindakan atau prosiding bagi menuntutkan balik wang yang perlu dibayar oleh anda, di mana berkenaan;
- (f) biro-biro kredit dan/atau agensi-agensi pelaporan kredit, agensi-agensi Pencegahan Penipuan, agensi-agensi pengumpulan hutang dan persatuan-persatuan berkaitan industri/kewangan; dan
- (g) mana-mana pemegang serah hak yang berpotensi atau orang-orang lain yang bercadang untuk mengikat kepada apa-apa perjanjian kontrak yang memerlukan pendedahan maklumat tersebut.

14. INSURANS/MRTA/CLTA

(A) INSURANS HARTA

- (a) Harta yang digadaikan/diserahhakkan kepada Bank perlu mendapat perlindungan insurans, dan Bank boleh mendapatkan perlindungan insurans tersebut bagi pihak anda, atau anda boleh mendapatkan perlindungan insurans sendiri dengan mana-mana syarikat insurans lain, di bawah nama pemilik(-pemilik) sebagai penggadai/penyerah hak dan Bank sebagai pemegang gadaian/pemegang serahhak, terhadap risiko-risiko bagi jumlah yang ditetapkan oleh Bank. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mengenakan bayaran premium insurans dan pembaharuan premium tahunan kepada Syarikat Insurans tersebut atas akaun pinjaman / overdraf anda.
- (b) Sekiranya anda menamakan syarikat insurans lain pilihan anda bagi perlindungan di atas, anda hendaklah memberikan Polisi Empunya Rumah / Polisi Kebakaran ("Polisi") kepada Bank sebelum pelepasan bayaran ke atas Kemudahan Perbankan, dan pembaharuan tahunan seterusnya ke atas Polisi kepada Bank, satu (1) bulan sebelum Polisi tersebut tamat tempoh
- (c) Sekiranya polisi tersebut diperoleh dari syarikat insurans lain atau syarikat insurans yang dinamakan tidak boleh didapati pada masa pengeluaran Kemudahan Perbankan, Bank mempunyai budi bicara, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mendapatkan perlindungan di bawah syarikat insurans yang dinamakan oleh Bank seperti yang dinyatakan dalam sub-klausula (a) di atas. Setelah tamat tempoh polisi syarikat insurans yang dinamakan oleh Bank, atau pada tarikh pembaharuan, anda kemudiannya boleh menamakan mana-mana syarikat insurans lain pilihan anda, tertakluk kepada sub-klausula (b) di atas berkaitan syarat pembaharuan tahunan.
- (d) Sekiranya pembaharuan polisi tahunan tidak diterima oleh Bank dalam satu (1) bulan sebelum tamat tempoh polisi, Bank boleh atas budi bicaranya, dengan memberi notis bertulis kepada anda, melibatkan broker insurans atau ejen yang ditetapkan di United Kingdom / Australia (bila-bila masa ia berkenaan) mendapatkan perlindungan insurans bagi Harta di bawah syarikat insurans yang dinamakan oleh Bank seperti yang dinyatakan dalam sub-klausula (a) dan (b) di atas.

Bank tidak akan membatalkan mana-mana Polisi syarikat insurans lain yang dinamakan (seperti yang dinyatakan dalam sub-klausula (b) di atas) yang masih berkuatkuasa sepenuhnya sehingga tamatnya polisi tersebut.

(B) MRTA/CLTA

- (a) Jika Bank membiayai sepenuhnya atau sebahagian premium ke atas MRTA/CLTA bagi Kemudahan Perbankan anda, perlindungan polisi MRTA/CLTA ini hendaklah diperolehi daripada Tokio Marine Life Insurance Bhd atau syarikat insurans lain pilihan anda, dengan fasal tidak boleh batal dan kepentingan Bank sebagai penerima bayaran diendorskan di dalam polisi tersebut.
- (b) Jika Bank membiayai sepenuhnya atau sebahagian premium bagi MRTA/CLTA dan anda membuat keputusan untuk memilih syarikat insurans MRTA/CLTA selain daripada Tokio Marine Life Insurance Bhd, maka Bank akan

membatalkan kemudahan pembiayaan premium MRTA/CLTA.

- (c) Anda boleh memilih mana-mana syarikat insurans untuk MRTA/CLTA, jika premium tidak dibiayai oleh Bank.

15. KEWAJIPAN MENENTUSAHKAN PENYATA AKAUN

Anda hendaklah menentusahkan semua penyata akaun yang dihantar kepada anda oleh Bank dan dengan serta-merta memaklumkan kepada Bank sekiranya terdapat apa-apa perselisihan dalam penyata akaun tersebut. Sekiranya gagal dilakukan, penyata tersebut akan dianggap muktamad dan mengikat terhadap anda.

16. PENYATA BANK

- a) Penyata Bank bagi amaun yang belum dijelaskan, genap masa untuk dibayar dan perlu dibayar, hendaklah muktamad dan konklusif tidak seharusnya, (kecuali bagi kesilapan nyata) dipersoalkan atas apa-apa sebab sekalipun.
- b) Sekiranya anda membuat pilihan *e-Statement* di dalam *Statement Type*, anda memperakui bahawa anda telah membaca, bersetuju dan faham dengan kandungan yang ditetapkan di dalam Penyata Perjanjian Elektronik Pengguna – Terma-Terma dan Syarat-Syarat (“Terma-Terma dan Syarat-Syarat *e-Statement*”) dan anda bersetuju bahawa anda terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat *e-Statement* tersebut. Anda boleh menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat *e-Statement* dengan melawat laman web www.rhbgroupp.com

17. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BERKAITAN PINJAMAN PERUMAHAN/PINJAMAN BERTEMPOH

- a) Sebarang ansuran yang perlu dibayar oleh anda atau mana-mana pembayaran lain yang mungkin anda buat kepada Bank akan dianggap sebagai pembayaran balik prinsipal sehingga semua faedah yang genap masa untuk dibayar atau yang dianggap genap masa untuk dibayar kepada Bank telah dibayar.
- b) Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lain dalam Surat Tawaran ini, anda berhak membayar dahulu amaun yang belum dijelaskan bagi Pinjaman Perumahan dan/atau Pinjaman Bertempoh secara sepenuhnya atau sebahagiannya pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu kepada Bank.
- c) Semua prapembayaran sebahagian hendaklah terpakai untuk pembayaran balik ansuran Pinjaman Perumahan dan/atau Pinjaman Bertempoh dalam urutan songsang kematangannya.
- d) Semua amaun yang dibayar dahulu tidak boleh digunakan untuk pengeluaran semula wang.
- e) Anda hendaklah membayar ansuran/faedah bulanan berkaitan Pinjaman Perumahan/Pinjaman Bertempoh dengan serta-merta dan sekiranya gagal dilakukan, Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan sebab-sebab di dalam notis bertulis tersebut, untuk mengubah terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan.
- f) Sekiranya pembayaran balik jumlah prinsipal dan/atau faedah tidak dibuat pada tarikh genap masa untuk dibayar, Bank berhak atas budi bicara Bank, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mengenakan faedah tambahan pada kadar faedah semasa yang dikenakan yang dikenakan ke atas jumlah amaun yang belum dijelaskan bagi Pinjaman Perumahan/Pinjaman Bertempoh. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mendebitkan faedah sedemikian daripada akaun anda.

18. TOLAK-SELESAI/PENGGABUNGAN ATAU PENYATUAN AKAUN-AKAUN

Bank berhak, dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari terlebih dahulu kepada anda, untuk menolak apa-apa wang di dalam mana-mana akaun anda dengan Bank untuk membayar apa-apa amaun yang genap dan kena dibayar oleh anda kepada Bank. Bank berhak atas budi bicaranya untuk melaksanakan apa-apa perkara untuk menyebabkan penolakan tersebut dibuat di bawah klausu ini (termasuk membuat pertukaran matawang.).

19. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT LAIN

- a) Faedah ke atas apa-apa wang prinsipal termasuk faedah yang dimodalkan (*capitalised*) hendaklah pada akhir setiap bulan ditambah untuk semua tujuan kepada jumlah principal yang belum dijelaskan, dan hendaklah mulai saat itu menanggung faedah (sebelum begitu juga selepas penghakiman) pada kadar faedah semasa, walaupun hubungan jurubank-pelanggan antara Bank dengan anda boleh tamat atas apa-apa sebab sekalipun.
- b) Sekiranya Bank memanggil balik Kemudahan Perbankan atau mana-mana bahagian daripadanya, Bank hendaklah berhak selanjutnya menurut budi bicaranya, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mengenakan faedah tambahan ke atas Kadar Asas Standard bagi amaun yang masih belum dijelaskan. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk menukar faedah kepada modal sekiranya Kemudahan Perbankan dipanggil balik tanpa mengambil kira penamatkan hubungan jurubank-pelanggan atas apa-apa sebab sekalipun.
- c) Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mengenakan faedah tambahan pada kadar yang sebagaimana boleh dikenakan pada bila-bila masa atas budi bicaranya ke atas Kadar Asas Standard semasa (selepas begitu juga sebelum penghakiman).
- d) Anda bersetuju bahawa sekiranya Bank tidak melaksanakan hak-hak atau remedy-remedi di bawah Kemudahan Perbankan pada masa tertentu, Bank masih berhak untuk melaksanakan hak-hak atau remedies-remedies tersebut pada masa kemudian.
- e) Sekiranya mana-mana peruntukan Surat Tawaran ini menjadi tidak sah, kesahan di sisi undang-undang atau kebolehkuatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan dalam apa-apa cara pun terjejas atau terganggu.
- f) Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan sebab-sebab di dalam notis bertulis tersebut, untuk mengubah, menggantikan, menambah dan/atau mengurangkan sekuriti yang dikenakan

berkaitan Kemudahan Perbankan tersebut.

- g) Bank berhal untuk mengenakan dan/atau menyemak semula kadar faedah, fi dan/atau caj-caj lain pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu kepada anda sebelum tarikh kuat kuasa (dan sebab pengenaan dan/atau semakan semula kadar faedah, fi dan/atau caj-caj lain dari semasa ke semasa akan dinyatakan di dalam notis bertulis berkenaan) dan dimana Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mendebitkan daripada akaun.

20. PELANTIKAN EJEN KUTIPAN

Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda, untuk melantik seorang ejen pilihan Bank untuk mengutip semua dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada Bank oleh anda di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

21. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (AKTA 613) ("AMLA")

- (1) Anda dan/atau Pihak Sekuriti mewakili dan menjamin kepada Bank bahawa:-
 - (a) Anda dan/atau Pihak Sekuriti tidak terlibat, dan tidak boleh melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - (b) Anda dan/atau Pihak Sekuriti tidak memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan, dan tidak boleh memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - (c) Anda dan/atau Pihak Sekuriti tidak mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, dan tidak boleh mengalihkan atau membawa masuk ke dalam Malaysia hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - (d) Anda dan/atau Pihak Sekuriti tidak merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang, dan tidak boleh merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang, pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemgunaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - (e) Anda dan/atau Pihak Sekuriti akan sentiasa mematuhi langkah-langkah Bank dalam melaksanakan kewajibannya untuk mematuhi Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan di bawah dalam Klaus (3) (a));
 - (f) Anda dan/atau Pihak Sekuriti akan bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya Bank didapati melanggar Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan di bawah dalam Klaus (3) (a)) yang disebabkan oleh tindakan saya/kami, yang menyebabkan kesan undang-undang terhadap Bank; dan
 - (g) Anda dan/atau Pihak Sekuriti memahami bahawa sebarang pelanggaran yang disebabkan oleh AMLA dan syarat sanksi tidak boleh dirundingkan.
- (2) Bagi maksud Fasal ini, berikut adalah takrifannya:-

"peralatan kesalahan" bermaksud: -

 - (a) apa-apa benda yang digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti haram; atau
 - (b) apa-apa harta yang keseluruhannya atau sebahagiannya digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti haram,

sama ada benda atau harta itu terletak di dalam atau di luar Malaysia;

"hasil daripada aktiviti haram" bermaksud mana-mana harta, atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu, di dalam atau di luar Malaysia: -

- (a) yang keseluruhan atau sebahagiannya: -
 - (i) diperolehi atau didapati, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang daripada apa-apa aktiviti haram;
 - (ii) diperolehi atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i); atau
 - (iii) diperoleh dengan menggunakan harta yang diperoleh atau didapati oleh mana-mana orang melalui pelupusan atau urusan lain yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii); atau
- (b) yang, keseluruhannya atau sebahagiannya, disebabkan oleh apa-apa hal keadaan seperti sifat, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperoleh, atau perkaitannya dengan harta lain yang disebut dalam subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii), boleh dengan semunasabahnya dipercayai adalah harta yang termasuk dalam ruang lingkup subperenggan (a) (i), (ii) atau (iii);

"harta" bermaksud: -

- (a) tiap-tiap jenis aset, sama ada yang zahir atau tidak zahir, harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara,

- walau bagaimanapun diperoleh; atau
- (b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa-apa bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang menjadi keterangan tentang hakmilik, atau kepentingan mengenai, aset itu, termasuk mata wang, kredit bank, deposit dan sumber kewangan yang lain, cek kembara, cek bank, kiriman wang, produk pasaran modal, draf dan surat kredit,

sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuklah kepentingan di sisi undang-undang atau ekuiti, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dalam mana-mana harta itu;

"aktiviti haram" bermaksud: -

- (a) apa-apa aktiviti yang merupakan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing; atau
- (b) apa-apa aktiviti yang bersifat sedemikian, atau yang berlaku dalam hal keadaan sedemikian, yang aktiviti itu mengakibatkan atau menyebabkan pelakuan mana-mana kesalahan berat atau kesalahan berat asing,

tidak kira sama ada aktiviti itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, berlaku di dalam atau di luar Malaysia;

"kesalahan berat" ertinya—

- (a) mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua AMLA;
- (b) percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan itu; atau
- (c) persubatan mana-mana kesalahan itu;

"transaksi" termasuklah suatu perkiraan untuk membuka suatu akaun yang melibatkan dua (2) orang atau lebih dan apa-apa transaksi yang berkaitan antara mana-mana orang yang berkenaan itu dengan orang lain.

(3) Anda dan/atau Pihak Sekuriti mengakui dan bersetuju dengan Bank bahawa:

- (a) Bank berkewajiban untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, arahan, dokumen dasar, panduan, petunjuk praktik, sekatan, piawaian dan praktik industri dan keperluan lain, termasuk AMLA, Akta Perdagangan Strategik 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana Bank sebagai institusi kewangan berlesen boleh dari semasa ke semasa dikenakan di Malaysia (secara kolektif, "Keperluan Peraturan");
- (b) Bank berhak untuk melakukan atau mengelak dari melakukan apa-apa tindakan atau perkara, untuk mematuhi Keperluan Peraturan;
- (c) sekiranya Bank berpendapat bahawa peristiwa atau keadaan (sama ada berkaitan atau tidak), yang akan menjadikannya tidak sah atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk meluluskan permohonan kemudahan telah berlaku atau timbul, atau kelulusan permohonan untuk kemudahan akan melanggar mana-mana Keperluan Peraturan (keseluruhan atau sebahagian), termasuk tanpa had penerimaan Bank bagi sebarang amaran atau padanan nama positif daripada semakan berkaitan yang dilakukan pada Pelanggan, pihak yang membekalkan sekuriti dan/atau mana-mana pihak ketiga berkaitan yang terlibat dalam transaksi yang mendasari (termasuk vendor / pemaju / pengajur / ejen / pemegang amanah / pembekal yang terlibat dalam penyediaan Perkhidmatan) oleh Bank menurut Keperluan Peraturan, maka, walau apa pun yang bertentangan yang terkandung dalam surat tawaran ini, Bank hendaklah, pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas (14) hari bekerja atau tempoh yang dipendekkan sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Keperluan Peraturan tersebut, berhak untuk:
- (i) menangguhkan kemudahan perbankan dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin diperlukan untuk mematuhi Keperluan Peraturan; dan/atau
 - (ii) membatalkan kemudahan perbankan dan menghentikan hubungannya dengan saya/kami, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin diperlukan untuk mematuhi Keperluan Peraturan.
- (d) Sekiranya kemudahan perbankan dibatalkan dan/atau ditamatkan oleh Bank sesuai dengan kepatuhan Bank terhadap Keperluan Peraturan:
- (i) Tiada penggunaan atau penggunaan selanjutnya yang dibenarkan di bawah kemudahan perbankan; dan
 - (ii) Bank berhak untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak dan remedii yang tersedia baginya berdasarkan terma dan syarat perjanjian kemudahan, dokumen sekuriti, undang-undang yang berkaitan atau sebaliknya;
- (e) Anda dan/atau Pihak Sekuriti akan menyediakan semua dokumen dan maklumat seperti yang dikehendaki oleh Bank (setiap masa sepanjang tempoh kemudahan perbankan) untuk tujuan mematuhi Keperluan Peraturan;
- (f) pihak Bank berhak untuk menghentikan semua perkhidmatan yang akan dilaksanakan dan diterima di bawah kemudahan perbankan sehingga pemberitahuan selanjutnya (perintah pembatalan) diterima dari agensi penguatkuasaan tersebut atau penghentian perintah (yang mana satu yang pertama), atau melainkan ada perintah variasi.

22. AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 ("AKTA SPRM")

Anda dan Pihak Sekuriti hendaklah untuk membaca dan memahami dasar dan prosedur anti rasuah Bank yang terdapat di laman web Bank di www.rhbgroup.com. Anda dan Pihak Sekuriti akan diberi notis oleh Bank mengenai perubahan atau revisi terhadap dasar dan prosedur antirasuah Bank, dan Anda dan Pihak Sekuriti diminta untuk membaca dan memahami pindaan atau semakan tersebut, yang akan tersedia di laman web Bank. Sekiranya Anda atau Pihak Sekuriti tidak memahami dasar, prosedur atau pindaan yang berkaitan, Anda atau Pihak Sekuriti boleh menghubungi Bahagian Integriti & Governans Kumpulan RHB.

Anda dan pihak sekuriti (sekiranya ada) masing-masing menyatakan dan menjamin kepada Bank bahawa ia mematuhi semua undang-undang, kehendak peraturan dan dasar serta prosedur antirasuah Bank, termasuk semua undang-undang dan kehendak peraturan antirasuah dan anti-suapan, dan sentiasa mematuhi semua undang-undang tersebut, kehendak peraturan dan dasar serta prosedur antirasuah Bank pada setiap masa. Anda dan Pihak Sekuriti masing-masing setuju bahawa mereka akan bekerjasama dengan Bank untuk menyempurnakan setiap tindakan verifikasi yang dijalankan oleh Bank mengikut dasar dan prosedur antirasuah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyediaan semua dokumen dan / atau maklumat yang diperlukan oleh Bank.

Anda dan Pihak Sekuriti masing-masing selanjutnya menyatakan dan menjamin kepada Bank bahawa ia tidak atau disyaki telah memberikan, menjanjikan, menawarkan, meminta, menerima, memperoleh, menerima, menyetujui atau berusaha untuk melakukannya, dan tidak akan pada bila-bila masa memberi, menjanjikan, menawarkan, meminta, menerima, memperoleh, menerima, bersetuju atau berusaha untuk melakukan, sebarang bentuk suapan secara rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada atau dari mana-mana orang yang terhubung atau berkaitan dengan Kemudahan Perbankan atau urusan atau perniagaan Anda atau Pihak Sekuriti ("Orang tersebut") untuk:

- (i) Secara tidak wajar mempengaruhi sebarang tindakan, peninggalan atau keputusan oleh Orang tersebut berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenarnya atau dicadangkan atau kebarangkalian akan berlaku; atau
- (ii) secara tidak wajar mendorong Orang tersebut untuk menggunakan pengaruh Orang itu dengan atau pada mana-mana entiti atau orang lain untuk mempengaruhi tindakan, peninggalan atau keputusan oleh entiti tersebut atau orang lain; atau
- (iii) menjamin kelebihan yang tidak wajar.

Bagi tujuan Surat Tawaran ini, "suapan" memiliki maksud yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Akta SPRM/ yang dilampirkan di bawah:

- (a) wang, derma, hadiah, pinjaman/kemudahan, yuran, ganjaran, sekuriti berharga, harta atau kepentingan dalam harta benda iaitu apa-apa jenis harta sama ada alih atau tak alih, manfaat kewangan, atau kelebihan lain yang seumpamanya;
- (b) sebarang pejabat, pangkat, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan persetujuan untuk memberi pekerjaan atau memberikan perkhidmatan dalam apa jua kapasiti;
- (c) apa-apa pembayaran, pelepasan atau pembubaran sebarang pinjaman/kemudahan, tanggungan atau liabiliti lain, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian;
- (d) apa-apa balasan berharga dalam apa jua bentuk, apa-apa diskau, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) apa-apa perkhidmatan lain atau sokongan dalam apa-apa bentuk, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau diberkas atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada telah dimulakan atau tidak, dan termasuk pelaksanaan atau menahan diri daripada melaksanakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau tugas rasmi; dan
- (g) apa-apa tawaran, akuanji atau janji, sama ada bersyarat atau tanpa syarat, untuk apa-apa suapan dalam erti mana-mana perenggan sebelumnya (a) hingga (f).

Anda dan Pihak Sekuriti masing-masing bersetuju bahawa apabila berlakunya salah satu peristiwa yang dinyatakan di atas, pada kesempatan paling awal selepas itu, melaporkan kejadian tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau seorang pegawai polis, dan saluran pelaporan sulit (Speak Up Corner) Bank yang boleh didapati di laman web korporat Bank di www.rhbgroup.com. Kegagalan membuat laporan tersebut adalah merupakan suatu kesalahan dan sekiranya disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara selama suatu tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

Dengan berlakunya mana-mana aktiviti yang disebutkan di atas akan dianggap sebagai "Event of Default" (Peristiwa Kemungkirian) di bawah Kemudahan Perbankan dan Bank berhak tanpa memberi notis lanjut kepada Anda untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak, kuasa dan usaha pemulihannya di bawah Kemudahan Perbankan atau oleh undang-undang atau sebaliknya, dan Bank akan membuat pendedahan yang diperlukan mengikut pematuhan undang-undang dan keperluan peraturan yang berkaitan.

23. KETAKSAHAN



Sekiranya Bank menetapkan bahawa mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan rasmi diperkenalkan atau diubah, atau terdapat perubahan dalam pentafsiran atau penggunaan undang-undang, peraturan atau arahan rasmi tersebut, yang menjadikannya salah Bank di sisi undang-undang untuk mengekalkan, membayai atau memberi kesan kepada obligasinya di bawah Kemudahan Perbankan, Bank akan dengan serta-merta memberi notis bagi penamatatan tersebut kepada anda, dan kemudian Kemudahan Perbankan akan dibatalkan, dan anda hendaklah dengan serta-merta (apabila menerima notis daripada Bank) membayar balik semua wang yang belum dijelaskan di bawah Kemudahan Perbankan bersama-sama dengan faedah padanya dan semua wang lain yang dipersetujui dibayar oleh anda di bawah Kemudahan Perbankan.

24. CARIAN KEBANKRAPAN

Peguam cara Bank akan melakukan carian kebankrapan ke atas anda/penjamin(-penjamin) anda sebelum pengeluaran Kemudahan Perbankan dan pada bila-bila masa kemudian. Semua caj yang dikenakan berkaitan dengan carian kebankrapan sebelum pengeluaran Kemudahan Perbankan mestilah dibayar oleh anda. Sekiranya mana-mana carian mengesahkan bahawa anda/penjamin(-penjamin) anda merupakan seorang bankrap, atau sekiranya terdapat apa-apa prosiding undang-undang, guaman atau tindakan yang apa jua jenisnya yang dikemukakan terhadap anda atau penjamin anda, Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan dengan menyatakan sebab-sebab dalam notis bertulis tersebut, untuk menarik balik, membatalkan, menamatkan dan/atau memanggil balik Kemudahan Perbankan.

25. PENEPIAN DAN KELONGGARAN

- a) Anda bersetuju bahawa Bank atas budi bicaranya berhak untuk mengenepikan keseluruhan atau sebahagian mana-mana terma dan syarat Surat Tawaran ini tanpa menjelaskan hak-hak dan remedи-remidi Bank di bawah Kemudahan Perbankan; dan
- b) Anda bersetuju bahawa sekiranya Bank tidak melaksanakan hak-hak atau remedи-remidi di bawah Kemudahan Perbankan pada masa tertentu, Bank masih berhak untuk melaksanakan hak-hak atau remedи-remidi tersebut pada masa kemudian.

26. AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)

BNM telah menuahkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstruktur semula hutang untuk individu-individu. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 03-2616 7766.

27. BANK NEGARA MALAYSIA LINK (BNMLINK) DAN FINANCIAL MARKETS OMBUDSMAN SERVICE (FMOS) [dahulunya dikenali sebagai Ombudsman for Financial Services]

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan hasil penyiasatan atau aduan, anda boleh membuat rayuan terhadap hasil penyiasatan tersebut dengan merujukkan aduan kepada Bank Negara Malaysia atau Financial Markets Ombudsman Service. Untuk pertanyaan, sila hubungi:

BNMLINK or TELELINK: 1-300-88-5465

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS): 03-2272 2811

28. NOTIS DAN PENYAMPAIAN PROSES PERUNDANGAN

A. Notis/Komunikasi

Sebarang notis, tuntutan atau komunikasi lain di antara pihak-pihak di bawah Surat Tawaran ini boleh diberikan secara bertulis kepada pihak yang lagi satu pada butiran-butiran alamat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini atau di alamat lain yang telah dimaklumkan oleh penerima kepada pihak yang lagi satu secara bertulis. Tiada perubahan bagi alamat anda yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran ini atau perjanjian kemudahan adalah berkuatkuasa atau mengikat Bank, kecuali sekiranya Bank telah menerima notis yang sebenar memaklumkan pertukaran alamat tersebut.

Notis atau komunikasi-komunikasi lain boleh diberikan atau dibuat dengan apa-apa cara yang dinyatakan dalam sub-klaus ini. Notis-notis atau komunikasi-komunikasi lain dianggap sebagai telah dihantar kepada anda (melainkan sekiranya terdapat bukti bercanggah bahawa notis atau komunikasi tersebut sebenarnya tidak dihantar);

- (a) dalam kes panggilan telefon, apabila panggilan dibuat;
- (b) dalam kes kiriman pos, pada hari kelima selepas diposkan;
- (c) dalam kes kurier atau perkhidmatan pos segera yang lain, pada masa penghantaran, selagi notis or komunikasi lain tersebut telah dialamatkan dan diposkan dengan sewajarnya;
- (d) dalam kes faksimili, pada masa laporan penghantaran yang dihantarkan dari terminal penghantar diterima oleh pengirim, yang mengesahkan bahawa penerima telah menerima faksimili tersebut;
- (e) dalam kes mel elektronik, pada hari mel elektronik itu memasuki sistem maklumat anda, selagi Bank tidak menerima mesej kegagalan penghantaran atau tidak dapat dihantar daripada penyedia hos pada hari penghantaran;
- (f) dalam kes penghantaran secara kediri, pada masa penghantaran; and
- (g) dalam kes sistem pesanan ringkas ("SMS"), pada hari SMS itu dihantar kepada anda, selagi Bank tidak menerima mesej kegagalan penghantaran pada hari SMS itu dihantar.

Tanpa mengambil kira peruntukan-peruntukan di atas, anda bersetuju bahawa Bank boleh membuat tuntuan untuk pembayaran, dalam bentuk tuntutan atau notis daripada janaan komputer yang tidak memerlukan tandatangan atau yang



mengandungi tandatangan faksimili bercetak. Apa-apa tuntutan atau notis (kecuali bagi kesilapan yang nyata), adalah mengikat dan konklusif kepada anda.

Jika anda menghantar sebarang arahan, notis atau komunikasi, atau jika anda melaksanakan atau menyempurnakan apa-apa dokumen melalui faksimili atau melalui elektronik kepada Bank, anda hendaklah membayar ganti rugi kepada Bank terhadap apa-apa tuntutan, kerugian dan liabiliti yang timbul daripada Bank bergantung kepada arahan, notis, komunikasi, pelaksanaan atau penyempurnaan tersebut.

Untuk mengelak sebarang keraguan, anda membenarkan Bank untuk bergantung kepada dan bertindak ke atas sebarang arahan, notis atau komunikasi daripada anda yang dibuat melalui telefon atau faksimili kepada Bank. Anda hendaklah menanggung rugi Bank dan tidak menjadikan Bank bertanggungjawab untuk sebarang tindakan, tindakan guaman, prosiding, kos, tuntutan, permintaan, caj, perbelanjaan, kerugian dan liabiliti (kecuali disebabkan kecuaian melampau Bank atau kemungkiran sengaja), disebabkan atau berkaitan dengan Bank bergantung pada atau bertindak dengan suci hati selaras dengan arahan telefon faksimili, notis atau komunikasi, walaupun arahan, notis atau komunikasi tersebut telah dimulakan atau dihantar melalui kesilapan, diubah melalui penipuan, salah faham atau herot-benyot dalam saluran komunikasi atau penghantaran.

B. Penyampaian Proses Perundangan

- (a) Proses Perundangan boleh disampaikan melalui pos berdaftar atau biasa yang dihantar kepada alamat pihak yang berkenaan, dan Proses Perundangan sedemikian dianggap telah disampaikan dengan sewajarnya selepas lima (5) hari dari tarikh pos dan jika disampaikan dengan tangan, pada hari ia dihantar; dan
- (b) Tiada perubahan dalam alamat untuk penyampaian akan berkuat kuasa atau terikat pada mana-mana pihak, melainkan pihak itu telah memberi kepada pihak lagi satu notis sebenar pertukaran alamat untuk penyampaian, dan apa-apa yang dilakukan berdasarkan sub-fasal(a) di atas tidak terjejas oleh mana-mana pertukaran alamat penyampaian yang dibuat kemudian, yang mana pihak lagi satu tidak mempunyai pengetahuan sebenar pada masa tindakan atau perkara itu dilakukan atau dijalankan.
- (c) "Proses Perundangan" ertinya pliding, semua bentuk proses pemula, permohonan interlokutori, afidavit, perintah dan dokumen-dokumen lain yang perlu diberikan kepada pihak lain, notis di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Insolvensi 1967 dan undang-undang lain di Malaysia.

29. PEMBIAYAAN PEMULIHAN

Tanpa menjelaskan mana-mana hak dan remedи Bank apabila berlakunya kemungkiran, anda secara tidak boleh ditarik balik dan tanpa syarat memberi kuasa kepada Bank untuk:

- (a) Debit baki yang ada daripada akaun overdraf, akaun semasa, akaun simpanan dan/atau akaun deposit tetap atau bertempoh anda untuk menyelesaikan sebarang tunggakan/jumlah tertungggak sedia ada bagi Kemudahan lain, dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda.
- (b) Tertakluk kepada Klausus 18 di atas, Bank boleh memulangkan cek lewat tarikh yang dikeluarkan daripada mana-mana akaun semasa anda dan Bank akan menolak baki kredit dalam akaun tersebut untuk menyelesaikan sebarang tunggakan sedia ada selepas tamat tempoh tujuh (7) hari perniagaan' notis bertulis kepada anda selepas itu anda hanya boleh mengeluarkan sebarang baki kredit dalam akaun tersebut setelah mendapat kebenaran bertulis Bank terlebih dahulu.
- (c) Debit mana-mana akaun/baki kredit anda (terpakai kepada pakej fleksi penuh & semi fleksi) untuk menolak semua pembayaran Kemudahan yang tertungggak dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda termasuk tetapi tidak terhad kepada hak Bank untuk memulangkan cek yang diambil daripada akaun semasa anda dan/atau akaun overdraf.
- (d) Menyerahkan polisi insurans/takaful bagi pihak anda untuk mendapatkan semula kerugian pembiayaan sekiranya berlaku peristiwa kemungkiran, memberikan notis bertulis tujuh (7) hari terlebih dahulu kepada anda. *Bank akan menuntut/menggunakan nilai serahan (nilai tunai) daripada syarikat insurans/takaful untuk menampung kerugian pembiayaan.*

30. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN

Anda memahami bahawa Kumpulan Perbankan RHB ("Bank") akan menggunakan, mengumpul, merekodkan, menyimpan, berkongsi dan/atau memproses maklumat peribadi anda, termasuk, tanpa batasan:

1. maklumat peribadi termasuk butir-butir, imej dan biometrik (ukuran dan analisis sifat fizikal atau tingkah laku yang unik (seperti cap jari atau pola suara) terutamanya sebagai cara untuk menentusahkan identiti peribadi) anda
2. data kewangan, tempat kediaman percukaian
3. contoh tandatangan, serta tandatangan digital atau elektronik seperti yang ditakrifkan di bawah undang-undang dan peraturan yang terpakai
4. kedudukan kewangan, butiran penggajian, kepercayaan kredit dan/atau kesesuaian bagi mana-mana produk/perkhidmatan Bank yang dimohon
5. maklumat peribadi yang anda berikan apabila anda memohon mana-mana produk dan perkhidmatan kami, termasuk pandangan atau pendapat anda yang dimaklumkan kepada Bank melalui maklum balas atau tinjauan;
6. maklumat tentang profil risiko, pelaburan, cukai dan insurans/takaful, matlamat pelaburan, pengetahuan dan pengalaman dan/atau kepentingan perniagaan dan aset anda
7. maklumat berkaitan dengan aktiviti, kebiasaan, keutamaan dan minat anda yang timbul daripada penggunaan produk dan perkhidmatan Bank
8. data atau maklumat elektronik lain yang berkaitan dengan anda seperti alamat IP, kuki, log aktiviti, pengenal pasti dalam

talian dan data lokasi melalui penggunaan produk dan perkhidmatan kami oleh anda atau sebagai sebahagian daripada penyampaianya kepada anda

dan maklumat lain yang berkaitan dengan anda/permohonan anda bagi produk dan / atau perkhidmatan itu yang:

1. telah anda berikan dalam borang ini atau melalui mana-mana hubungan lain dengan Bank (yang hendaklah merangkumi syarikat pemegangan, subsidiari dan mana-mana syarikat bersekutunya, termasuk mana-mana syarikat hasil daripada apa-apa penyusunan semula, percantuman, penjualan atau pemerolehan), atau
2. telah diperoleh daripada analisis pembayaran oleh anda dan transaksi/perkhidmatan lain dalam Bank, atau
3. telah diperoleh daripada pihak ketiga seperti majikan, pemohon/pemegang akaun bersama, penjamin, wakil sah, persatuan berkaitan industri/kewangan, pihak berkuasa kerajaan/pengawalseliaan, biro kredit atau agensi pelaporan kredit, peruncit, rangkaian sosial dan agensi pencegahan penipuan atau organisasi lain
4. telah diperoleh daripada rakaman Televisyen Litar Tertutup (CCTV) yang dipasang di premis kami termasuk cawangan yang bertempat di dalam atau di luar Malaysia
5. telah diperoleh daripada tuntutan insurans/takaful atau dokumen lain; dan/atau
6. telah diberikan dan/atau dikumpul apabila anda melawati laman web Bank dan/atau memuat turun aplikasi peranti mudah alih Bank yang mungkin merangkumi alamat IP peranti anda atau daripada data yang dikumpul melalui kuki.

Anda, secara nyata, dengan ini bersetuju, akur dengan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan anda, urusan anda dan/atau mana-mana akaun, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank untuk anda, kepada:

1. pihak ketiga seperti pemberi perkhidmatan, peniaga dan rakan strategik, kakitangan kontrak untuk perkhidmatan (CFS), juruaudit, penasihat undang-undang, vendor termasuk agensi pemungutan hutang, penasihat profesional, persatuan berkaitan industri/kewangan, biro kredit atau agensi pelaporan kredit dan agensi pencegahan penipuan, institusi kewangan lain dan mana-mana ejen dan/atau pekerja, dan/atau orang, sama ada bertempat di dalam atau di luar Malaysia, jika berkenaan, pada setiap masa tertakluk pada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, standard, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai bagi Bank.
2. entiti dan/atau syarikat lain dalam kumpulan korporat Bank
3. mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa berkaitan lain yang kepadanya Bank dikehendaki membuat pendedahan, atau yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, untuk mematuhi apa-apa perintah, tuntutan, permintaan atau kehendak pelaporan, atau bagi maksud litigasi atau kemungkinan litigasi yang melibatkan Bank, bila-bila dikehendaki atau diminta supaya berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
4. mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pelaksanaan transaksi atau arahan yang telah saya/kami minta dan/atau berikan kepada Bank;
5. mana-mana bakal penerima pindahan atau pemegang serah hak yang dengannya Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan novasi hak atau obligasi di bawah, atau dengan rujukan kepada, akaun itu;

bagi mana-mana dan/atau semua maksud berikut, jika berkenaan:

- a. memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan produk/kemudahan kewangan dan pelaksanaan kontrak, perkhidmatan yang diberikan atau disediakan oleh Bank;
- b. menyediakan produk dan/atau perkhidmatan ini dan memberitahu anda tentang perubahan atau perkembangan penting pada ciri-ciri;
- c. mengemaskinikan dan mengurus ketepatan dan kesempurnaan rekod Bank;
- d. pencegahan, pengesanan atau pendakwaan jenayah, dan mematuhi obligasi undang-undang dan pengawalseliaan;
- e. penilaian dan analisis termasuk risiko kredit, pemberian pinjaman/pembentangan, insurans/takaful dan/atau maksud risiko lain, pemarkahan tingkah laku (behaviour scoring), perlombongan, pemprofilan, analisis data, usaha wajar, analisis pasaran dan produk dan/atau penyelidikan pasaran;
- f. komunikasi dan memastikan kepuasan pelanggan, yang boleh merangkumi usaha menjalankan tinjauan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan kami, menjawab pertanyaan dan aduan dan untuk menyelesaikan pertikaian secara am;
- g. menentukan amaun keterhutangan anda dan mendapat balik wang yang anda berhutang pada Bank;
- h. menyenggarakan sejarah kredit anda untuk rujukan pada masa ini dan masa hadapan;
- i. membolehkan pemegang serah hak Bank yang sebenar atau yang dicadangkan, atau peserta atau subpeserta Bank, untuk menilai transaksi anda yang dimaksudkan untuk menjadi subjek penyerahan hak, penyertaan atau subpenyertaan itu;
- j. untuk acara korporat Bank (termasuk acara perangkaian, pelancaran produk dsb) /pertandingan, yang baginya gambar foto / imej anda boleh ditangkap dan boleh digunakan untuk terbitan Bank;
- k. melindungi kepentingan Bank; atau
- l. semua maksud lain yang bersampingan atau berkaitan dengan mana-mana perkara di atas.

Anda memahami dan bersetuju bahawa:

1. persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat anda adalah perlu bagi penyediaan / pengendalian akaun, produk dan/atau perkhidmatan atau pelaksanaan kontrak dengan anda untuk mematuhi kehendak kontraktual atau untuk mematuhi mana-mana kehendak undang-undang, jika, tanpa maklumat tersebut, Bank tidak akan

- dapat menawarkan produk/ perkhidmatan yang anda minta.
2. Jika anda telah memberi Bank maklumat peribadi sensitif (terutamanya maklumat yang merangkumi kesihatan fizikal/mental anda untuk permohonan produk/perkhidmatan insurans/takaful), anda memberikan persetujuan bagi Bank untuk memproses perkara tersebut dengan cara yang diperihalkan menurut kehendak data peribadi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan garis panduan yang terpakai, termasuk Garis Panduan BNM sebagaimana yang boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa.
 3. Bank boleh mengubah suai atau mengemaskinikan Pendedahan Maklumat Pelanggannya dari semasa ke semasa, yang salinannya boleh didapati pada pautan www.rhbgroup.com.
 4. Anda boleh menggunakan pilihan anda berkenaan dengan penerimaan bahan pemasaran (termasuk penjualan silang, pemasaran dan promosi) dengan mengunjungi cawangan atau menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB (03-9206 8118).

31. SURAT TAWARAN DALAM BAHASA INGGERIS

Anda mengakui bahawa Surat Tawaran ini turut didapati dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan di antara terma(-terma) dan syarat(-syarat) Surat Tawaran ini dan terma(-terma) dan syarat(-syarat) Surat Tawaran dalam Bahasa Inggeris, terma(-terma) dan syarat(-syarat) Surat Tawaran dalam Bahasa Inggeris akan digunakan.